

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM  
(BAHAGIAN KORPORAT DAN PERHUBUNGAN AWAM)

AKHBAR : KOSMO  
TARIKH : 23 MAR 2016

## MBSA laksana operasi denggi di Seksyen U8 Bukit Jelutong

**PENCEGAHAN.** Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) mengadakan Operasi Task Force Denggi bagi membasmi peningkatan kes demam denggi di sekitar kawasan Seksyen U8 Bukit Jelutong, Selangor baru-baru ini.

Timbalan Setiausaha MBSA, Rosli Bakar berkata, sebanyak 34 pasukan terdiri daripada para pegawai dan warga kerja MBSA telah membuat pemeriksaan pembiakan jentik-jentik di sekitar kawasan kediaman Seksyen U8.

"Kawasan yang berpotensi sebagai tempat pembiakan jentik-jentik Aedes yang diperiksa adalah di kawasan rumah kediaman. Sebanyak 131 kes demam denggi dicatatkan di sekitar kawasan Seksyen U8," katanya.



ROSLI (tiga dari kiri) sedang berbincang dengan wakil penduduk Seksyen U8 Bukit Jelutong semasa Operasi Task Force Denggi di sekitar kawasan tersebut baru-baru ini.